

Apakah salah saya?

Oleh MOHD SANI ALI

SETIAP kesalahan perlu dibuktikan terlebih dahulu. Setiap keributan dalam rumahtangga, seharusnya diatasi secara aman.

Jurulatih pencak silat nasional, Mohamed Hosni Ahmad, kecewa, kesal dan hampa dengan tindakan Persekutuan Silat Singapura (Persisi), melucutkan jawatannya. **19 DEC 1991**

"Apa yang lebih saya kesalkan ialah mereka bertindak tanpa memanggil saya untuk siasatan lanjut," demikian ulas Hosni, jurulatih silat berpengalaman petang semalam.

Sehubungan dengan itu, Hosni juga kecewa dengan Persisi, dengan secara sengaja membesar-besarkan berita tersebut melalui media massa.

"Ini merupakan soal dalam rumahtangga. Jika saya didapati bersalah, saya rela meminta maaf. Tidaklah perlu digembar-gemburkan dalam akhbar," sambung Hosni.

Beliau menafikan tuduhan yang terkandung dalam surat Persisi bertarikh 13 Disember yang menyebut:

"Mohd Hosni telah memerintahkan pesilat nasional,

“ Para pesilat Indonesia, Malaysia dan Brunei, juga menginap bersama keluarga masing-masing, saya tidak nampak mengapa Persisi mesti bertindak, sedangkan tuan rumah yang seharusnya berbuat demikian.”

— HOSNI AHMAD
(kanan)

Abdul Talib Tambi, untuk menyampaikan salamnya kepada pesilat nasional, Sheik Alauddin yang bertanding untuk pingat emas (peringkat akhir) supaya Sheik 'Kalahkan dirinya dalam pertandingan tersebut'."

Hosni menyatakan bahawa beliau tidak mengeluarkan perintah tersebut, sebaliknya menyifatkan ia lebih merupakan gurauan Talib kepada Sheik.

Menyentuh tuduhan ba-



hawa beliau bersama Jasni Salam, telah menginap di bilik hotel Badriah Hosni, tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau dalam ertikata lain menginap secara haram di bilik rasmi kontinjen Singapura, Hosni berkata:

"Apakah salah saya menginap bersama anak saya? Sedang kami makan bersama-sama kontinjen Singapura, tidak seorangpun bertanyakan hal tersebut.

"Para pesilat Indonesia, Malaysia dan Brunei, juga menginap bersama keluarga masing-masing, saya tidak nampak mengapa Persisi mesti bertindak, sedangkan tuan rumah yang seharusnya berbuat demikian!"

Di samping itu juga, Hosni kecewa dengan tindakan Persisi melantik penolong jurulatihnya, Haji Sueb Selamat, ke Manila, tanpa sedikitpun membuat sebarang rundingan dengannya.

"Saya tidak diberitahu mengenai keputusan mereka itu," katanya ringkas mengenai pemilihan Haji Sueb.

Tindakan ini menurut Hosni sengaja dibesar-besarkan, sambil menambah: "Ada golongan yang cuba menyingkir saya dari jawatan saya dalam Persisi."

Hosni bersama Jasni ke Manila, Filipina ketika berlangsungnya Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara dengan perbelanjaan sendiri. Begitupun, mereka menginap di bilik hotel Badriah Hosni, peserta Singapura ke kejohanan tersebut.

Jurulatih itu telah melibatkan diri dengan pencak silat olahraga sejak Sukan SEA 1987. Malah Hosni juga berkata bahawa beliau telah berkorban untuk negara tanpa memikirkan sebarang keuntungan. **19 DEC 1991**

"Pemiagaan saya terjejas ketika melibatkan diri dengan skuad nasional, tetapi saya rela. Malangnya saya dituduh sedemikian," katanya dengan nada kesal.

Hosni menegaskan bahawa beliau tidak akan membuat sebarang rayuan, kerana beliau berpendapat: "Itu berarti bahawa saya mengaku telah melakukan kesalahan."